

Dasar Perlindungan dan Risiko Menurun Pertumbuhan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ekonomi Malaysia dijangka terus tumbuh dengan positif pada tahun ini selepas merekodkan kadar pertumbuhan yang pantas lebih dari jangkaan pada tahun lepas. MIER mengunjurkan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar untuk tahun ini tumbuh pada kadar 5.4% setahun, berbanding 5.6% pada tahun lepas. Pertumbuhan yang mampan ini terus dijana oleh permintaan domestik dan disokong oleh permintaan antarabangsa yang terus mengukuh.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) baru-baru ini telah menyemak semula kadar pertumbuhan dunia untuk tahun ini kepada 3.9% berbanding unjuran awal 3.7%. Semakan menaik ini berlatarbelakangkan pertumbuhan beberapa ekonomi utama dunia yang lebih baik dari jangkaan awal. Negara-negara maju tumbuh pada kadar yang lebih pantas, termasuk Amerika Syarikat (AS), wilayah euro dan Jepun. Sebelum ini, pada tahun 2016 cuma AS satu-satunya ekonomi maju yang tumbuh dengan sihat. Pada masa itu wilayah euro dan Jepun masih bergelumang dengan kelembapan ekonomi mereka. Ketiga-tiga ekonomi tersebut merupakan antara lima ekonomi pengimport utama dari Malaysia selain dari Singapura dan China.

Pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih pantas ini serta pemulihan kelembapan ekonomi utama dunia memberi pengharapan kepada peningkatan permintaan eksport Malaysia. Permintaan dari US, wilayah euro dan Jepun dijangka terus kukuh. Manakala, permintaan dari China juga dijangka tidak akan terjejas walaupun pertumbuhan ekonominya dijangka akan lebih perlahan berbanding tahun lepas. Langkah China menurunkan kadar tarif untuk import barangan pengguna daripada purata 17.3% kepada purata 7.7% dijangka memberi kesan positif kepada pengeksport Malaysia. Sementara itu, permintaan dari Singapura adalah berkait rapat dengan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

permintaan dari lain-lain ekonomi utama dunia. Ini adalah kerana kebanyakan import Singapura dari Malaysia adalah untuk dieksport semula ke pasaran dunia.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi dunia yang baik ini tidak semestinya terlepas dari risiko menurun yang boleh membantutkan permintaan untuk eksport dari Malaysia. Antara risiko utama yang kian menjadi semakin relevan pada masa kini adalah kebangkitan semula dasar perlindungan berkaitan dengan perdagangan antarabangsa. Doktrin perdagangan bebas yang diperjuangkan oleh kuasa besar ekonomi dunia, diketuai AS, kini menghadapi cabaran getir dari segi manfaatnya kepada ekonomi. Peliknya, ketidakyakinan manfaat perdagangan bebas itu datangnya dari negara yang memperjuangkannya selama ini iaitu AS.

Ideologi perdagangan bebas telah diterima umum oleh masyarakat dunia sebagai penyumbang kepada peningkatan kesejahteraan penduduk sejagat. Perdagangan bebas membuka pasaran dunia untuk semua. Ini seterusnya membenarkan pengeluaran yang bersekala besar disokong oleh pengkhususan bidang. Setiap pengeluar seterusnya berupaya meningkatkan tahap teknologi dan kepakaran modal insan. Akhirnya, sumber ekonomi dunia diagih dengan lebih adil, yang mana merupakan objektif asas ekonomi. Kesannya, lebih ramai penduduk dunia mampu keluar dari belunggu kemiskinan melalui lebih banyak peluang pekerjaan dicipta. Jurang sosioekonomi penduduk dunia mampu diminimumkan.

Malaysia telah meraih manfaat perdagangan bebas terutama bermula dari era diversifikasi ekonomi dari sektor utama kepada sektor pembuatan. Sekali gus kadar kemiskinan telah turun dengan mendadak. Kadar kemiskinan pada tahun 1984 adalah 20.7% berbanding dengan 0.4% pada tahun 2016. Sehubungan dengan itu, pendapatan bulanan penengah isi rumah telah meningkat dari RM719 pada tahun 1984 kepada RM5,228 pada tahun 2016.

Namun, isu perlindungan telah menjadi topik panas sejak kebelakangan ini. Bermula dari peristiwa Britain meninggalkan Kesatuan Eropah (EU) yang dikenali sebagai BREXIT, diikuti oleh kejayaan Trump menjadi presiden AS. Kedua-dua kes ini walaupun dari konteks yang berbeza adalah berkisar dari punca yang sama, yakni untuk mempertahankan pekerjaan rakyat masing-masing.

Presiden Trump memelopori dasar perlindungan perdagangan melalui dasar-dasar tidak konvensional di dalam konteks kontemporari yang diperkenalkannya. Dasar '*America first*' menyasarkan kepada penciptaan peluang pekerjaan untuk warga AS. Antara lain, langkah-langkah yang diambil termasuk mengeluarkan AS dari menganggotai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang masih di dalam proses penubuhan dan perundingan semula perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

TPPA adalah hasil inisiatif AS di bawah Presiden Obama merupakan satu perjanjian perdagangan yang paling komprehensif. Walaupun semasa awal penubuhannya TPPA dilihat sebagai lebih condong kepada AS, Presiden Trump berpendirian ianya membuka peluang pekerjaan kepada lain-lain negara ahli sambil mengurangkan pekerjaan AS. Sementara itu, NAFTA kini merupakan salah satu kawasan perdagangan bebas yang paling berjaya di dunia.

AS baru-baru ini juga telah mengenakan cukai import ke atas panel solar dan mesin basuh sehingga 30% dan 50%, masing-masing. Malaysia merupakan pengeksport terbesar panel solar ke AS, meliputi 36% daripada jumlah import. Pada masa yang sama reformasi cukai oleh AS telah melihat penurunan cukai korporat yang dijangka akan menjana pertumbuhan ekonomi. Pelaburan swasta dijangka meningkat kesan dari penurunan cukai korporat dan juga cukai ke atas pendapatan dari luar negara yang dihantar pulang. Kesan dari reformasi cukai ini mungkin akan melihat penurunan import walaupun ekonomi AS berkembang.

Tindak tanduk AS mendapat kecaman meluas dari masyarakat antarabangsa yang rata-rata ingin melihat manfaat globalisasi terutama melalui perdagangan yang lebih terbuka. Namun dasar populisme Trump terus dipertahankan. Sebenarnya dasar perlindungan AS ini mempunyai risiko menurun terhadap pertumbuhan ekonomi kerana dasar ini mempunyai 'kesan jangkitan' kepada lain-lain ekonomi. Berkemungkinan lain-lain negara akan membalas dendam turut mengenakan perlindungan cukai terhadap pengeluar masing-masing.

Pengajaran penting untuk Malaysia adalah untuk memilih strategi jangka pendek yang tepat berkaitan dengan perdagangan antarabangsa untuk mempertahankan bahagian

pasaran. Namun, yang lebih penting adalah strategi jangka panjang untuk memastikan Malaysia berada di barisan hadapan dari segi daya saing dengan menumpukan kepada penambahbaikan kepada proses pengeluaran. Ini tidak lain adalah melalui peningkatan teknologi dan skil.